

Tuliskan jenis-jenis permainan berdasarkan kenyataan yang diberi.

1. Permainan ini dimainkan secara berpasangan.  
Ia diperbuat daripada kayu atau plastik.  
Bijinya daripada guli.

2. Objektif permainan ini adalah untuk menguasai kawasan papan yang lebih besar daripada lawan.  
Hanya menggunakan biji-biji berwarna hitam dan putih.

3. Biasa dimainkan oleh kanak-kanak. Gelanggang permainan dibuat dengan melukis petak-petak bersambung di atas tanah.

4. Permainan ini dimainkan secara individu atau berkumpulan. Terdapat lima langkah utama dalam permainan ini.

5. Aktiviti ini memerlukan kemahiran berenang dan menyelam.

6. Permainan ini banyak dimainkan di Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Johor. Reka bentuknya mempunyai pelbagai warna yang menarik.

7. Permainan ini dimainkan oleh kaum India. Mereka yang benar-benar lasak dan cergas boleh memainkan permainan ini.

8. Dikenali sebagai catur Cina dan dimainkan oleh dua orang.